

MPSJ lancar dua projek Bandar Hijau Serdang

SERDANG: Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) melancarkan dua projek pembangunan Bandar Hijau Serdang dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini, baru-baru ini.

Projek berasaskan teknologi hijau itu adalah projek pengeluaran biogas dari sisa pasar secara penapaian anaerobik dan projek vermikompos-penguraian sisa sayuran Pasar Awam Seri Serdang oleh cacing yang bertujuan mengatasi masalah sisa pepejal.

Yang Dipertua MPSJ, Datuk Asmawi Kasbi, berkata projek itu adalah yang pertama dilaksanakan pihak berkuasa tempatan (PBT) di negara ini.

"Ia adalah vermikompos yang akan memberi tumpuan kepada sisa pepejal bagi menghasilkan kompos sebagai produk nilai tambah melalui penguraian sisa oleh cacing," katanya pada majlis pelancaran

projek itu di sini.

Turut hadir pada majlis itu adalah Pengerusi JKP Zon 20 MPSJ, Sufari Tinin; Penyelidik UPM, Prof Dr Azni Idris dan Dr Nor Azwady Abdul Aziz serta peniaga pasar awam berkenaan.

Beliau berkata, bagi proses penapaian anaerobik daripada sisa pepejal pula akan menghasilkan biogas yang boleh ditukarkan kepada tenaga elektrik serta baja cecair untuk tumbuhan.

Selain UPM sebagai rakan sinergi MPSJ, kami turut berbesar hati apabila Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan membiayai kira-kira RM200,000 bagi projek penapaian anaerobik biogas.

"Kementerian Pengajian Tinggi pula menampung kos kira-kira RM140,000 bagi projek vermikompos," katanya.



DR NOR AZWADY (kiri), Azni dan Asmawi (kanan) pada majlis pelancaran projek vermikompos di Pasar Awam Seri Serdang.